

Berita KUKUM



Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia diseru saling bekerjasama di dalam bidang penyelidikan demi kebaikan dan kepentingan pendidikan tinggi di negara ini, demikian menurut Dato' Prof. Dr. Hassan Said, Ketua Pengarah, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia ketika merasmikan *'First National Conference on Electronic Design' (NCED 2005)*, dengan tema: *'Nation's Prosperity Through Electronics Design'* anjuran Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan, KUKUM di Hotel Putra Palace, Kangar, Perlis pada 18 Mei 2005 lalu.

Dato' Prof. Dr. Hassan berkata, IPTA di Malaysia lebih cenderung bergerak sendirian dari mewujudkan hubungan kerjasama sesama universiti. Setiap IPTA di negara ini yang berjumlah 17 buah kesemuanya harus menjadikan kerjasama silang (*cross collaborate*) dan penyelidikan silang (*cross research*) sebagai satu budaya kerja. Bukan bertindak secara sendirian seperti mana yang diamalkan oleh universiti-universiti di negara barat.

"Setiap pensyarah tanpa mengira apa juga nama universiti yang diwakilinya harus saling bekerjasama khususnya yang membabitkan bidang

E. Prof. Dr. Hassan Tegur Sikap IPTA

penyelidikan. Jika setiap pensyarah ini mampu berganding bahu dan saling bekerjasama sudah pasti hasil bidang yang dikaji itu akan lebih mantap. Ia seterusnya dapat digunakan atau dijadikan sumber rujukan oleh mana-mana pihak yang berminat".

"Saya amat berharap jurang antara setiap universiti kerajaan di negara ini dapat diatasi dengan segera. Jika hubungan kerjasama tersebut dapat dibentuk maka sudah tentu penyelidikan dalam pelbagai bidang dapat dilakukan secara bersama. Ini akhirnya sudah tentu akan membawa kepada kecemerlangan Institusi Pendidikan Tinggi di negara ini dengan sendirinya", tegas beliau sambil berharap NCED 2005 dijadikan sebagai platform kepada usaha perhubungan kerjasama antara semua IPTA.

Dalam pada itu, beliau juga mahu IPTA di Malaysia bekerjasama dengan lebih erat dengan pihak industri dalam mengkomersilkan produk penyelidikan yang telah dan akan dihasilkan. Setiap penyelidik atau pensyarah di IPTA harus mengubah objektif penyelidikan mereka. Tidak sekadar bagi memenuhi syarat pertandingan dan menasaskan kemenangan tetapi menghasilkan ia dalam bentuk produk untuk kegunaan secara komersil.

Justeru itu katanya, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sentiasa menggalakkan IPTA untuk bekerjasama dengan lebih erat dengan pihak industri. Setiap IPTA harus mempunyai kekuatan dari segi penyelidikan kerana ia merupakan kriteria terpenting dalam menentukan kecemerlangan sesebuah universiti. Setiap produk penyelidikan yang berjaya dihasilkan untuk tujuan komersial boleh dipaten dan dipasarkan ke seluruh dunia. Ia bukan sahaja dapat menyuntik ekonomi negara bahkan sekaligus melambangkan kecemerlangan institusi pendidikan tinggi Malaysia.